

Kekerasan bukan cara untuk tukar kerajaan

UM 2 2 SEP 2001

Oleh SOPHA SULAIMAN

ALOR SETAR 21 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa kerajaan menolak sama sekali segala bentuk kekerasan dan keganasan yang boleh memusnahkan negara semata-mata untuk menukar kerajaan.

Katanya, tidak ada sebab keganasan dan kekerasan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat perjuangan memandangkan negara ini mengamalkan sistem demokrasi.

“Rakyat boleh menentukan atau menggantikan kerajaan yang hendak memerintah negara ini dengan cara aman melalui pilihan raya,” katanya merujuk kepada serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon di Washington minggu lepas.

Dr. Mahathir menyatakan perkara itu semasa berucap melancarkan Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 di Wisma Darul Aman di sini, hari ini.

Katanya, WTC setinggi 110 tingkat yang menjadi mercu tanda New York dibina dalam masa enam tahun, tetapi hanya mengambil masa dua jam sahaja untuk dimusnahkan pada 11 September lalu.

“Apa yang jelas, untuk merancang sesuatu mengambil masa yang panjang selain menggunakan usaha dan modal yang banyak, tetapi hendak memusnahkannya hanya perlu masa yang singkat,” katanya.

Atas sebab itu, kata beliau, Malaysia tidak suka kepada kegiatan-kegiatan yang memusnahkan, sebaliknya tumpuan diberi kepada pembangunan negara dan rakyatnya.

Bagaimanapun beliau sedih kerana di negara ini, ada juga orang yang ingin memusnahkan negara sendiri dengan merancang tindakan ganas kerana ingin menjayakan perjuangan mereka.

Kata Dr. Mahathir lagi, kerajaan menolak tindakan keganasan kerana mahu menumpukan perhatian sepenuhnya kepa-

da pembangunan negara dan rakyatnya.

“Ini kerana kita telah merancang negara ini untuk menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020 seperti mana yang dirancangkan oleh kerajaan negeri hari ini,” katanya.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain menyatakan, Pelan Kedah Maju 2010 merupakan pelan pembangunan yang mampu memacu negeri ini ke tahap maju, 10 tahun lebih awal dari wawasan negara.

Katanya, pelan itu merangkumi dua aspek penting, iaitu matlamat ke arah mana yang hendak dituju dan tindakan serta strategi yang hendak dicapai.

“Pelan Kedah Maju ini merupakan keazaman kerajaan negeri untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan bagi menyediakan kehidupan yang lebih baik dan makmur kepada rakyatnya,” kata Syed Razak.